

Strategi Realisme Dalam hubungan Diplomatik Kesultanan Johor Moden: Analisis Perjanjian Setia 1885

Realism Strategy in Diplomatic Relations of the Modern Johor Sultanate: Analysis of the 1885 Loyalty and Government Treaty

Muhaymin Hakim Abdullah^{1*}, Lutfan Jaes, Riki Rahman¹

¹ Pusat Pengajian Umum & Kokurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn MALAYSIA

*Corresponding Author: lutfan@uthm.edu.my
DOI: <https://doi.org/10.30880/jstard.2024.06.02.014>

Maklumat Artikel

Diserah: 20 September 2024
Diterima: 30 Oktober 2024
Diterbitkan: 12 Disember 2024

Kata Kunci

*Dasar awam, realisme, strategi
diplomatik, sejarah Johor, perjanjian
Johor*

Abstrak

Perjanjian Setia 1885 menandakan satu titik penting dalam strategi diplomatik Johor untuk mengekalkan autonomi serta keabsahan Kesultanan Johor Moden terhadap kedaulatan Johor dan kepentingan nasionalnya di tengah-tengah tekanan kuasa kolonial British pada abad ke-19 di negeri-negeri Tanah Melayu. Kajian ini mengkaji bagaimana Maharaja Abu Bakar, pemerintah Johor pada masa itu menggunakan pendekatan pragmatik dalam perundingan terus dengan Ratu Victoria di London sehingga membawa kepada perjanjian antara Kerajaan Johor dengan British. Kajian ini melihat Perjanjian Setia antara kedua-dua kerajaan tersebut dari perspektif teori realisme dalam hubungan antarabangsa. Ia berdasarkan prinsip realisme seperti kepentingan nasional, kedaulatan negara, kuasa dan kelangsungan hidup. Antara strategi realisme yang awal dilakukan pemerintah Johor pada masa itu ialah dengan penubuhan pasukan pertahanan tenteranya sendiri iaitu Askar Timbalan Setia Johor atau lebih dikenali sebagai *Johor Military Forces* (JMF). Penubuhan JMF dilihat sebagai usaha pemerintah Johor untuk mengimbangi pengaruh kuasa besar sambil memastikan kelangsungan politik dan kestabilan wilayah Johor. Melalui pendekatan analisis sejarah dan dokumen, kajian ini mendedahkan bahawa Kesultanan Johor Moden bukan sahaja berjaya mengekalkan autonominya tetapi juga memainkan peranan penting dalam membentuk hubungan diplomatik yang strategik dengan British. Hasil kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang penggunaan strategi realisme dalam mempertahankan kedaulatan Johor dan kepentingan nasional, serta relevansinya dalam konteks hubungan antarabangsa.

Keywords

Public policy; realism; diplomatic strategy; history of Johor; Johor treaty

Abstract

The Government Treaty of 1885 marked a crucial point in Johor's diplomatic strategy to maintain the autonomy and legitimacy of the Modern Johor Sultanate towards the sovereignty of Johor and its national interests amidst the pressure of British colonial power in the 19th century in the Malays States. This study examines the strategy of Maharaja Abu Bakar, the ruler of Johor at the time, to defend his power and sovereignty and how he used a diplomatic approach in direct negotiations with Queen Victoria in London that led to a treaty between the Government of Johor and the British Government. This study looks at the treaty between the two governments from the perspective of realism theory in international relations. It is based on the principles of realism, such as national interest, national sovereignty, power, and survival. This study is qualitative by using historical document analysis methods. Besides, other sources such as books and journals are also used to support this study. This study found that one of the early the Johor government at that time was establishing its military defence force, namely Johor Military Forces (JMF). The establishment of the JMF is seen as an effort by the Johor government to balance the influence of great powers while ensuring the political survival and stability of the Johor region. This study also found that the Modern Sultanate of Johor not only managed to maintain its autonomy but also played an important role in forming strategic diplomatic relations with the British.

1. Pengenalan

Pemerintahan Raja-Raja Melayu menghadapi pelbagai cabaran semasa era kolonial terutamanya berkaitan dengan campur tangan kuasa asing sehingga mengakibatkan kepada kehilangan kuasa politik serta pengaruh kedudukan ekonomi yang berdaya saing (Abdullah Zakaria Ghazali, 2019; Rohayu Majid et al., 2021). Di Johor, Sultan Abu Bakar Ibni Temenggong Daeng Ibrahim, Kesultanan Johor Moden pertama telah memainkan peranan penting dalam dasar kerajaan dan diplomatik di Johor. Baginda memanfaatkan kemahiran diplomasinya untuk mengekalkan autonomi politiknya dan berjaya mempertahankan Johor daripada campur tangan dan tekanan kuasa secara langsung kolonial British sepanjang pemerintahannya (Abdul Rahim Ramli, 2018; Mohd Samsudin, 2013). Kejayaan diplomatik Johor tidak terhad kepada hubungan dengan British, tetapi turut merangkumi usaha untuk membina hubungan diplomatik dengan negara Eropah lain dalam mengukuhkan kedudukannya di peringkat antara bangsa (Ermy Azziaty Rozali et al., 2020; Shaharom Husain, 1995).

Kajian ini menggunakan teori hubungan antarabangsa realisme untuk menilai strategi diplomatik yang digunakan Sultan Abu Bakar. Menurut teori realisme, dalam hubungan antarabangsa, negara bertindak berdasarkan kepentingan nasional, kekuasaan, dan kelangsungan politik (Muhammad Mutawalli, 2023; Rosenberg, 1990). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji cara Kesultanan Johor Moden menggunakan prinsip realisme bermula dengan Perjanjian Setia 1885 dan menilai bagaimana ia berfungsi untuk memperkuat kedudukannya di wilayah Johor di samping mengimbangi hubungannya dengan kuasa besar seperti British. Dalam analisis ini, artikel ini bertujuan untuk menunjukkan bagaimana strategi realisme membantu memperkukuhkan pentadbiran Johor dari campur tangan asing sekitar tahun 1800-an berbanding negeri lain (A Rahman Tang Abdullah & Wan Shawaludin Wan Hassan, 2015; Abdullah Zakaria Ghazali, 2019)

1.1 Diplomasi Kesultanan Johor Moden dan Perjanjian Setia 1885


Sultan Abu Bakar Ibni Temenggong Daeng Ibrahim, Kesultanan Johor Moden pertama bercita-cita tinggi untuk mengukuh dan membangunkan kerajaan Johor di bawah dinasti Temenggong (M.A. Fawzi Mohd Basri, 1988; Muhammad Izuan Abdul Rahman & Mahani Musa, 2020). Baginda memainkan peranan penting dalam memodenkan Johor sehingga digelar "Bapa Pemodenan Johor". Antara pembaharuan yang diperkenalkan baginda ialah mewujudkan sistem pentadbiran yang lebih sistematik selain menggalakkan pertumbuhan sosial serta kemasyarakatan yang lebih maju dan berdaya saing yang pesat di Johor. Pelbagai pencapaian yang dilakukan baginda antaranya seperti pembinaan sekolah-sekolah, hospital, balai polis, masjid, dan mahkamah (Abdul Rahim Ramli, 2018; M.A. Fawzi Mohd Basri, 1988).

Selain itu, baginda merupakan salah satu pemerintah yang berjaya menonjolkan dirinya sebagai sebuah entiti politik yang dinamik menjadikannya antara raja yang dihormati oleh kerajaan British (Abdul Rahim Ramli, 2018; Muhammad Izuan Abdul Rahman & Mahani Musa, 2020). Melalui strategi diplomatik yang bijak, selain British, baginda turut menjalinkan hubungan diplomatik dengan pelbagai negara Eropah yang lain termasuk Jerman,

Austria, Uthmaniah, dan Itali (Ermy Azziaty Rozali et al., 2020; Shaharom Husain, 1995). Langkah ini dilihat sebagai tindakan strategik baginda dalam usaha untuk mengekalkan pengaruh autonomi dan kewibawaannya dalam mempertahankan kedaulatan Johor (A Rahman Tang Abdullah, 2013; Mohd Samsudin, 2013).

Perjanjian Setia pada tahun 1885 antara Kerajaan Johor dengan Kerajaan British adalah peristiwa penting dalam diplomasi pemerintahan Kerajaan Johor (Abdul Rahim Ramli, 2018; M.A. Fawzi Mohd Basri, 1988). Sultan Abu Bakar mengadakan hubungan diplomatik secara terus dengan Ratu Kerajaan Great Britain dan Ireland, Maharani India, sehingga kedua-dua Kerajaan mengadakan Perjanjian Setia pada 11 Disember 1885 di Pejabat Kolonial, London (Buyong Adil, 2020; Ermy Azziaty Rozali et al., 2020). Perjanjian ini ditandatangani dan dimaterai sendiri baginda selaku wakil Kerajaan Johor bersama Frederick Arthur Stanley, Setiausaha Negara Bagi Jajahan Koloni British. Tandatangani ini disaksikan oleh pegawai dari kedua-dua kerajaan iaitu Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman bin Dato' Wan Andak dan Sir Robert G.W. Herbet (Abdul Rahim Ramli, 2018; Tunku Shahrman Tunku Sulaiman, 2014).

Antara kandungan perjanjian tersebut adalah berkaitan tanggungjawab kedua-dua kerajaan untuk sama-sama menjaga keselamatan wilayah Johor dan Singapura. Perjanjian tersebut turut mengiktiraf Johor sebagai sebuah negeri merdeka dan berdaulat seterusnya memperkukuhkan kedudukan Maharaja Abu Bakar sebagai Sultan Johor dengan memakai gelaran 'sultan' (Abdul Rahim Ramli, 2018; Shaharom Husain, 1995). Perjanjian ini mengandungi tujuh perkara yang khas menyentuh tentang perhubungan diplomatik antara Kerajaan Inggeris di Negeri-negeri Selat dengan Kerajaan Johor.



Rajah 1 Perjanjian setia antara Johor dengan British pada 11 Disember 1885
Sumber: Arkib Negara Malaysia

1.2 Analisis Kandungan Perjanjian Setia 1885

Antara kandungan perjanjian tersebut adalah berkaitan tanggungjawab kedua-dua kerajaan untuk sama-sama menjaga keselamatan wilayah Johor dan Negeri-Negeri Selat di bawah naungan British. Perjanjian tersebut turut mengiktiraf Johor sebagai sebuah negeri merdeka dan berdaulat seterusnya memperkukuhkan kedudukan Maharaja Abu Bakar sebagai Sultan Johor dengan memakai gelaran 'sultan' (Abdul Rahim Ramli, 2018; Shaharom Husain, 1995). Perjanjian ini mengandungi tujuh perkara yang khas menyentuh tentang perhubungan diplomatik antara Kerajaan Johor dengan Kerajaan British di Negeri-negeri Selat.

Fasal Pertama perjanjian menyatakan tentang perjanjian dan kerjasama antara dua kerajaan mengenai penempatan penduduk yang aman di wilayah jiran mereka, pertahanan wilayah tersebut daripada serangan musuh luar, dan penyerahan orang yang dituduh atau disabitkan dengan jenayah atau kesalahan. Pada asasnya, perenggan ini menegaskan bahawa kedua-dua kerajaan komited untuk bekerjasama dalam beberapa aspek penting untuk menjaga ketenteraman dan kestabilan di kawasan mereka. Ini juga menunjukkan semangat

kerjasama dan saling membantu antara kedua-dua kerajaan. Fasal ini penting kerana ia menunjukkan hubungan baik dan kerjasama antara dua kerajaan dalam beberapa bidang penting :-

- i. Pertama tentang penempatan penduduk iaitu menunjukkan bahawa kedua-dua kerajaan bersetuju untuk bekerjasama secara mesra dalam penempatan penduduk di wilayah jiran masing-masing. Ini dilakukan untuk memastikan penempatan penduduk berlaku secara aman dan tidak menyebabkan konflik atau ketegangan antara dua kawasan tersebut.
- ii. Kedua berkaitan pertahanan bersama iaitu menegaskan bahawa kedua-dua kerajaan akan bekerjasama untuk melindungi wilayah mereka daripada serangan musuh luar. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua pihak akan bekerjasama untuk menangani ancaman serta menjaga keselamatan dan kedaulatan wilayah mereka.
- iii. Ketiga pula menetapkan bahawa kedua-dua kerajaan di wilayah jiran masing-masing akan bekerjasama untuk menyerahkan orang yang dituduh atau disabitkan dengan jenayah atau kesalahan. Ini bermakna bahawa jika seseorang melakukan jenayah di wilayah satu pihak, pihak yang lain akan membantu dalam proses membawa individu tersebut ke keadilan.

Fasal Kedua perjanjian membincangkan janji pemerintah Johor untuk bekerjasama dengan Gubernur Kerajaan Negeri-Negeri Selat untuk mewujudkan cara yang akan memudahkan perdagangan dan transit darat antara Johor dengan Pahang. Fasal ini menunjukkan keinginan kedua-dua kerajaan, Johor dan Pahang untuk bekerjasama meningkatkan perdagangan dan hubungan mereka. Janji pemerintah Johor dalam bahagian ini menunjukkan keinginan untuk menggalakkan hubungan yang baik dan saling menguntungkan antara kerajaan. Fasal ini mempunyai makna dan kesan yang signifikan, antaranya:-

- i. Pertama membincangkan tentang kerjasama antara negeri iaitu menunjukkan keinginan negeri Johor untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri-Negeri Selat dan negeri lain terutamanya negeri Pahang. Kerajaan Johor berjanji untuk bekerjasama dengan pihak lain untuk menyediakan fasiliti dan peraturan yang diperlukan untuk memudahkan perdagangan dan perhubungan antara wilayah ini.
- ii. Kedua, fasal ini menyentuh tentang perdagangan dan perhubungan transit darat dengan menekankan betapa pentingnya jalur darat untuk memudahkan perdagangan dan perhubungan antara Johor dan Pahang. Ini boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan mengukuhkan hubungan ekonomi kedua-dua negeri.
- iii. Ketiga, menyediakan pengaturan yang memudahkan dan ini menunjukkan kesediaan pemerintah Johor untuk menyediakan fasiliti dan pengaturan yang akan membantu memudahkan perdagangan dan perhubungan antara Johor dan Pahang. Ini termasuk kemungkinan membangunkan infrastruktur yang sesuai dan peraturan yang membolehkan orang dan barang bergerak dengan mudah.
- iv. Keempat, fasal kedua ini menyentuh tentang manfaat bagi kedua-dua kerajaan. Dijangkakan Johor dan Pahang akan menguntungkan satu sama lain dengan bekerjasama untuk memudahkan perdagangan dan perhubungan transit darat. Ini dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi kedua-dua kerajaan dan memperkuat hubungan ekonomi dan sosial mereka.

Fasal Ketiga perjanjian membincangkan tentang komitmen pemerintah Johor untuk menyediakan tanah atau tapak yang sesuai dalam wilayahnya tanpa sebarang perbelanjaan sekiranya Kerajaan British di Negeri-Negeri Selat berhasrat untuk melantik seorang konsulat sebagai ejennya untuk tinggal di Johor. Fasal ketiga ini menunjukkan kepentingan hubungan diplomatik antara Johor dengan Kerajaan British Negeri-Negeri Selat sebagai komitmennya untuk mengekalkan hubungan baik dan kepentingan bersama antara semua pihak yang terlibat.

Fasal ketiga ini membawa beberapa makna dan kesan signifikan, antaranya:-

- i. Pertama, melalui kerjasama dan sokongan iaitu menunjukkan semangat pemerintah Johor untuk bekerjasama dan membantu Kerajaan British di Negeri-Negeri Selat dengan memberikan tanah atau tapak secara percuma, menunjukkan kesediaannya untuk membantu memudahkan penempatan seorang ejen di Johor.
- ii. Kedua, peranan seorang ejen pegawai British ini ditugaskan untuk tinggal di Johor dan menjalankan tugas yang setanding dengan pegawai konsulat (jawatan konsul). Pegawai ini akan melaksanakan tugas diplomatik, mengawasi kemajuan politik dan ekonomi Kerajaan British Negeri-Negeri Selat, dan mengekalkan hubungan baik antara Johor, dan Kerajaan Negeri-Negeri Selat.
- iii. Ketiga, dengan melantik seorang ejen yang bertindak sebagai pegawai konsulat, dijangkakan kerjasama dan hubungan diplomatik kedua-dua pihak dapat dipertingkatkan.

Fasal Keempat perjanjian adalah berkaitan persetujuan antara Johor dan Kerajaan British Negeri-Negeri Selat mengenai penggunaan mata wang Negeri-Negeri Selat. Fasal ini menunjukkan persetujuan yang telah dicapai antara Gubernur Negeri-Negeri Selat dengan pemerintah Johor mengenai penggunaan mata wang syiling di wilayah

Johor. Perjanjian ini memastikan nilai wang yang diberikan sama rata dan digunakan mengikut keperluan rakyat negeri Johor. Fasal ini turut mempunyai makna dan kesannya, antaranya :-

- i. Pertama, penggunaan mata wang syiling iaitu fasal ini membenarkan Johor menggunakan mata wang yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri-Negeri Selat. Ini membolehkan Johor menggunakan wang ini untuk aktiviti ekonomi tempatan.
- ii. Kedua, fasal ini juga menetapkan bilangan atau had kuantiti mata wang yang boleh dikeluarkan oleh Kerajaan Johor. Gabenor Negeri-Negeri Selat berjanji untuk menyediakan jumlah wang syiling subsidiari yang sama, dan Kerajaan Johor dikehendaki mematuhi batasan yang ditetapkan oleh undang-undang tender Kerajaan Negeri-Negeri Selat.
- iii. Ketiga, penekanan pada keperluan penduduk Johor iaitu pemerintah Johor berjanji untuk memastikan permohonan kerajaan Johor untuk wang subsidiari akan dihadkan dengan ketat kepada keperluan sah penduduk Johor. Ini bermakna warga Johor akan menentukan penggunaan mata wang syiling subsidiari ini.

Fasal Kelima perjanjian mengandungi tentang tanggungjawab Gabenor Negeri-Negeri Selat untuk melindungi Kerajaan dan wilayah Johor daripada ancaman luar. Selain itu, untuk menjamin keberkesanan tindakan perlindungan tersebut, fasal ini menetapkan bahawa pegawai British iaitu pegawai Kerajaan Negeri-Negeri Selat akan dibenarkan menggunakan perairan negeri Johor secara untuk memastikan keamanan dan keselamatan wilayah Johor dalam mengekalkan hubungan yang baik antara kedua-dua kerajaan. Fasal ini mempunyai makna dan kesannya :-

- i. Pertama, fasal ini menekankan betapa pentingnya untuk melindungi wilayah Johor daripada serangan daripada musuh luar. Gabenor Negeri-Negeri Selat telah ditugaskan untuk mengambil tindakan yang diperlukan dan berusaha dengan sepenuh hati untuk melindungi kerajaan dan wilayah negeri Johor daripada sebarang serangan luar.
- ii. Kedua, akses percuma ke perairan negeri Johor iaitu fasal ini membenarkan pegawai British iaitu pegawai Kerajaan Negeri-Negeri Selat untuk menggunakan perairan negeri Johor secara percuma. Ini membolehkan mereka memantau dan menjalankan operasi perlindungan di kawasan perairan negeri Johor.
- iii. Ketiga, fasal ini menyatakan bahawa kawasan perairan negeri Johor iaitu kawasan perairan yang diliputi dimaksudkan termasuklah perairan yang terletak di sepanjang pantai negeri hingga jarak yang ditetapkan dari garisan khayalan yang terletak di tengah-tengah antara pantai kedua-dua wilayah.

Fasal Keenam perjanjian adalah mengenai komitmen Maharaja Johor untuk mengelak daripada merundingkan, memasuki atau campur tangan dengan negara asing tanpa pengetahuan dan persetujuan kerajaan British. Selain itu, menurut Fasal ini, Maharaja Johor tidak akan memberikan konsesi atau pemberian kepada mana-mana pihak asing selain daripada rakyat atau syarikat British, orang Cina, Melayu, atau mana-mana kaum lain. Ini menunjukkan prinsip setia kawan pemerintah Johor dan kerajaan British, serta memastikan bahawa pemerintah Johor mempunyai kawalan dan arahan dalam hubungan luar negeri dan politik. Hal ini dilakukan untuk mengelakkan campur tangan yang tidak diingini dari negara asing dalam urusan dalam negeri dan untuk memastikan kebijakan luar negeri negara konsisten dan kukuh. Fasal ini turut memberi makna dan kesannya, iaitu:-

- i. Pertama, kesetiaan ini menunjukkan bahawa kerajaan British mesti mengetahui dan bersetuju dengan sebarang tindakan politik atau luar yang melibatkan negara asing.
- ii. Kedua, keterbukaan dalam perundingan dan pemberian yang menunjukkan bahawa proses perundingan dan pemberian bagi pemerintah Johor adalah terang-terangan. Sebelum melibatkan negara asing atau memberikan konsesi atau pemberian kepada negara asing, kerajaan British mesti bersetuju dengan tindakan ini.

Fasal ketujuh perjanjian ini mengakui dan bersetuju dengan keputusan Duli Yang Maha Mulia Maharaja Johor untuk menggunakan gelaran Sultan Johor. Ini juga menunjukkan kesinambungan persahabatan dan kasih sayang antara pihak yang terlibat, serta komitmen untuk mengiktiraf gelaran Sultan Johor bagi Maharaja Johor dan keturunannya, mengikut adat Melayu. Fasal ini memberi makna dan kesannya:-

- i. Pertama, tentang gelaran sultan iaitu Duli Yang Maha Mulia Maharaja Johor berhasrat untuk menyandang gelaran sultan dan menurut fasal ini, Gabenor Negeri-Negeri Selat mengetahui dan bersetuju dengan keputusan ini.
- ii. Kedua, mengenai istilah persahabatan dan kasih sayang. Fasal ini menyatakan persahabatan yang setia dan berterusan antara Maharaja Johor dan Ratu Kerajaan The Great Britain. Keputusan gabenor Negeri-Negeri Selat untuk mengiktiraf gelaran Sultan bagi Maharaja Johor dan warisnya dipengaruhi oleh hubungan baik ini.

- iii. Ketiga, pengiktirafan sebagai sultan iaitu menetapkan bahawa Maharaja Johor, bersama-sama dengan waris dan pewarisnya yang berjaya mengikut adat Melayu, akan diiktiraf sebagai sultan di negeri dan wilayah Johor pada masa hadapan. Ini menunjukkan bahawa mereka akan diberi gelaran sultan dan akan dihormati dengan gelaran tersebut.

2. Kerangka Realisme

Realisme hakikatnya telah muncul beberapa abad yang lalu dan ia menjadi arus perdana pendekatan hubungan antarabangsa. Dalam sistem antarabangsa, konflik dan persaingan yang berlaku dalam pandangan realis merujuk pada satu jalan penyelesaian akhir, iaitu perang. Secara historik, pandangan realis ini menginspirasi terjadinya Perang Dingin. Pemikiran seperti inilah yang membenarkan slogan '*if you want peace, prepare for war*' (Ziegler 1984: 208). Berada dalam situasi yang tidak pasti, negara-negara mula mengambil sikap rasional dengan membentuk pakatan yang bersifat kumpulan sekepentingan. Ada negara yang memilih bergabung dalam sebuah sistem keselamatan bersama (*collective security*), atau dalam bentuk pakatan serantau namun tetap dalam kecenderungan untuk mempertahankan kepentingan nasionalnya. Pada masa dominasi realisme ini, situasi antarabangsa lebih cenderung untuk membentuk pakatan serantau kerana klasifikasi negara-negara lebih didasarkan pada terbentuknya kumpulan-kumpulan sekepentingan (Jackson et al., 2007).

Manusia dianalogikan sebagai makhluk yang selalu khawatir terhadap kelangsungan hidupnya dan tahap kemajuan kuasa individu lain yang dilihat berpotensi membahayakan kewujudannya. Oleh yang demikian, dalam perspektif realisme, satu negara memandang satu negara lain sebagai ancaman. Ini dipanggil persepsi ancaman, iaitu pembolehubah berselang yang menentukan antara tindakan dan tindakbalas dalam krisis antarabangsa. Ketika ancaman tidak dirasakan, meskipun wujud bukti yang objektif, maka tiada mobilisasi sumber pertahanan. Sebaliknya, jika ancaman dapat dirasa, maka langkah-langkah tindakan akan diambil, walaupun pihak lawan tidak mempunyai niat jahat (Cohen 1978: 93). Mudahnya, persepsi ancaman ialah ketika sesebuah negara menaiktaraf keupayaan ketenteraannya dan membuat negara lain berasa terancam sehingga turut menaiktaraf keupayaan ketenteraan yang dimilikinya sebagai upaya defensif untuk menyaingi negara tersebut. Maka negara pertama akan mengangap tindakan defensif tersebut sebagai ancaman dan begitu seterusnya.

Adapun persepsi ancaman menurut Mroz ialah apa jua yang dilakukan oleh pihak musuh selalu menjadi ancaman baginya (Mroz 1980). Berikutan itu, salah satu andaian penting dalam realisme ialah soal keselamatan dan pertahanan negara untuk mencapai kepentingan nasionalnya. Morgenthau mentakrifkan kepentingan sebagai kuasa (Morgenthau 2006: 5). Menurut Burchil (1996: 75), kepentingan nasional selalunya ditakrifkan dalam konteks keupayaan strategi dan ekonomi. Antara aspek yang meliputi kepentingan nasional, ialah ekonomi, ideologi, keupayaan tentera, keselamatan, moral dan keabsahan (Papp 1988: 29-31). Tujuan akhir kepentingan nasional ialah untuk mempertahankan keselamatan nasional dan meneruskan kelangsungan hidup sesebuah negara (Aleksius Jemadu, 2008).

Manusia pada hakikatnya adalah makhluk yang mementingkan diri sendiri. Manusia ibarat haiwan politik semulajadi yang dilahirkan untuk mendapatkan kuasa dan menikmatinya. Realisme menginterpretasikan negara ibarat seorang manusia yang hanya mementingkan diri mereka sendiri. Negara juga memiliki kehendak semulajadi untuk mendominasi dan menguasai negara lain. Kehendak inilah yang pada akhirnya mencetuskan perang. Oleh kerana manusia ibarat haiwan dilahirkan untuk mendapatkan kuasa dan menikmati kuasa itu, maka Morgenthau menggambarkannya sebagai *animus dominandi, the human "lust" power* (Morgenthau 1965: 192). Oleh itu, realisme merupakan teori yang memandang bahawa mencari kekuasaan dan niat untuk mendominasi adalah aspek asasi sifat manusia (Dunne et al., 2005: 95).

Isu utama yang dibahas dalam realisme ialah soal keselamatan nasional. Menurut Buzan (1991: 4), keselamatan secara objektif bermaksud mengukur ketiadaan ancaman terhadap nilai-nilai yang diperoleh, sedangkan dalam erti kata yang subjektif bermaksud ketiadaan rasa takut bahawa nilai itu akan diserang (Buzan, 1991: 4). Adapun keselamatan nasional dapat didefinisikan dari segi objektif dan nilai-nilai teras yang ingin dilindungi (Ruhanas Harun 2009: 31). Ia juga dapat didefinisikan sebagai keupayaan sesebuah negara untuk melindungi nilai dalaman negara daripada ancaman luar (Berkowitz & P.G. Bock: 42). Maksud nilai dalaman negara ialah sesebuah negara seyugianya selamat dan tidak berada dalam keadaan bahaya sehingga terpaksa mengorbankan nilai utama sekiranya sesebuah negara ingin mengelak peperangan daripada berlaku (Berkowitz & P.G. Bock: 43). Pada pandangan Wolfers, keselamatan nasional akan menaik dan menurun selaras dengan keupayaan sesebuah negara untuk menghalang serangan musuh. Namun, beliau menyimpulkan bahawa keselamatan nasional sebenarnya lebih bermaksud ketiadaan ancaman, rasa tidak selamat dan nilai negatif (Wolfers 1952: 484).

Bagi mengelakkan daripada berlakunya perang, realisme berpendapat setiap negara harus menjamin keselamatannya sendiri. Justeru, negara harus mampu melindungi dan menolong dirinya sendiri (*self-help*) kerana negara tidak dapat bergantung dan mencari pertolongan daripada negara-negara lain. Oleh itu, menurut realisme, perdamaian dan keselamatan harus ditentukan sendiri oleh negara sebagai aktor utama (Steans & Lloyd Pettiford 2009: 58), kerana keselamatan nasional merupakan simbol kekuatan sesebuah negara (Wolfers, 1985).

Oleh yang demikian, keselamatan nasional merupakan unsur yang sangat penting sebagai matlamat sesebuah negara untuk meneruskan kelangsungan hidupnya (*survival*) dalam hubungan antarabangsa (Obsatar Sinaga 2009: 20). Para pendukung realisme berpendapat bahawa para pemimpin harus bertanggungjawab terhadap keselamatan dan keamanan negara, mempertahankan atau jika perlu memperluas kedudukan negaranya ke atas negara lain melalui persaingan dan diplomasi. Jika kedua cara ini tidak berkesan, maka cara yang paling baik adalah dengan berperang. Ini bertujuan untuk mempertahankan kepentingan nasional dan sistem negaranya, dan juga untuk meluaskan sistem nilai yang dianutnya bagi memperkukuh kedudukannya di peringkat antarabangsa (Miller 1990: 208).

3. JMF Sebagai Alat Hubungan Diplomatik Terhadap Strategi Diplomatik

Bertitik tolak daripada Perjanjian Setia 1885, Sultan Abu Bakar menitahkan penubuhan pasukan keselamatan bagi melindungi sultan dan negeri Johor daripada ancaman luar tanpa perlu bergantung kepada pasukan keselamatan Gabenor Negeri-Negeri Selat. Pasukan tempatan ini akan dapat membantu menimbalkan kuasa polis dalam menjaga keamanan negeri dan membantu British sekiranya diperlukan. Inilah antara langkah strategik paling penting yang diambil oleh baginda dengan menubuhkan pasukan tenteranya sendiri, Askar Timbalan Setia Negeri Johor (ATSNI) yang kemudiannya disebut Johor Military Forces (JMF). Baginda sedar betapa pentingnya mengekalkan kedaulatan negeri dengan memiliki tentera sendiri tanpa perlu bergantung dengan tentera asing untuk mempertahankan kedaulatan Johor (Mohd Samsudin, 2013; Tunku Shahrman Tunku Sulaiman, 2014). Pada tahun 1895, anakanda Sultan Abu Bakar iaitu Sultan Ibrahim menaiki takhta Kerajaan Johor dan meneruskan legasi almarhum bapanya dalam mempertahankan kedaulatan Johor (Abdul Rahim Ramli, 2018; Sinclair, 1967).

Semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar, penubuhan pasukan ini lebih tertumpu kepada motif untuk mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negeri. Ini kerana untuk mengiktiraf kedaulatan seorang raja perlulah memiliki pengaruh serta anggota keselamatannya sendiri sebagai simbolik kepada raja yang memberikan perlindungan kepada rakyat. Pembinaan asas sebuah negara perlulah mempunyai unsur-unsur elemen seperti kerajaan, kedaulatan, rakyat, tanah dan sempadan. Pembangunan kekuatan pertahanan yang mencukupi, termasuk tentera, peralatan, dan teknologi, adalah penting untuk mengekalkan kedaulatan sesebuah negara (Asshiddiqie, 2021; Jackson, 2018).

Penubuhan pasukan tentera tempatan ketika era pemerintahan Sultan Abu Bakar sama sekali telah membuka mata pihak kolonial yang membuktikan keberanian dan kebolehan anak tempatan dalam bidang ketenteraan untuk mempertahankan negeri sendiri tanpa mengharap pihak luar. Tertubuhnya pasukan JMF, membuatkan pengaruh dan daulat raja menjadi lebih kukuh sebagai pelindung kepada rakyatnya untuk lebih yakin di bawah naungan pemerintahan baginda. Langkah berani menjalin hubungan diplomatik secara terus dengan Ratu England di London dan kuasa besar lain seperti Kerajaan Uthmaniyah di Turki (Ermy Azziaty Rozali et al., 2020), membuktikan baginda merupakan pemerintah berwawasan proaktif dalam mempertahankan kedaulatan Johor di peringkat global daripada pengaruh politik pihak British di Tanah Melayu (Mohd Samsudin, 2013).

Di era pemerintahan Sultan Ibrahim Ibni Sultan Abu Bakar, pasukan ini ke arah menjadikan sebuah pasukan yang mantap dan berkembang. Tindakan proaktif Sultan Ibrahim yang sentiasa melakukan perubahan ke arah penambahbaikan dalam pasukan JMF seperti mempergiatkan latihan kemahiran, penambahan anggota dan memperkenalkan undang-undang tentera membuktikan karismatik kepimpinan baginda. Walaupun mendapat bantahan kolonial, tetapi akhirnya mereka sendiri yang mengharap bantuan JMF untuk membantu menjaga keselamatan wilayah kolonial sepertimana berlaku di Singapura semasa era Perang Dunia Pertama (Muhaymin Hakim Abdullah et al., 2021; Tunku Shahrman Tunku Sulaiman, 2014).

Ini menunjukkan bahawa, keupayaan tentera untuk menjalankan operasi dengan berkesan, serta kualiti dan profesionalisme anggota tentera adalah penting untuk daya tahan tentera. Pembangunan dan pelaksanaan dasar pertahanan yang sesuai adalah penting, dan ini memerlukan peruntukan kewangan yang mencukupi. Ketahanan tentera perlu mengekalkan prinsip moral dan keadilan serta mematuhi undang-undang. Selain itu, aspek ekonomi dan sosial adalah penting untuk daya tahan ketenteraan, seperti kemajuan ekonomi yang pesat dan sistem pendidikan yang baik, serta kerjasama antarabangsa untuk mengukuhkan pertahanan dalam menghadapi ancaman. Ketahanan tentera adalah komponen yang sangat penting untuk mengekalkan kestabilan dan kedaulatan negara.

4. Pendekatan Realisme Dalam Kerangka Penubuhan JMF

Realisme berpendapat bahawa sistem antarabangsa adalah anarki yang menyebabkan negara berusaha untuk melindungi keselamatan mereka sendiri. Tindakan yang diambil oleh negara didorong oleh kepentingan nasional di mana kepentingan nasional sering dikaitkan dengan kekuasaan dan keselamatan sesebuah negara. Oleh yang demikian, dalam pandangan realisme, kepentingan nasional dan kekuasaan sebuah negara sangatlah penting. Aktor negara berusaha untuk mengekalkan atau meningkatkan kekuasaannya, yang dianggap sebagai elemen penting dalam struktur antarabangsa. Bagi mencapai tujuan tersebut maka negara perlu meningkatkan keupayaan kuasa ketenteraannya untuk menghalang ancaman keselamatan dari pihak luar.

Dalam perspektif realisme, satu negara akan memandang negara lain sebagai ancaman. Keadaan dunia yang kacau bilau pada masa itu akibat Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua, membuat persepsi Johor ke atas ancaman pihak luar adalah tinggi. Johor perlukan satu pasukan tentera yang kuat bagi melindungi Johor dan kedaulatannya. Penubuhan JMF oleh Sultan Johor boleh disifatkan sebagai manifestasi persepsi ancaman yang tinggi pada masa itu. Selain itu, persaingan antara negara adalah ciri utama dalam realisme, dengan setiap negara berusaha untuk mendapatkan kelebihan berbanding negara lain dalam struktur antarabangsa yang tidak teratur dan berbahaya. Ini kerana sifat semula jadi manusia adalah ingin menang dan menguasai pihak lain. Justeru, dalam realisme, manusia dilihat sebagai *animus dominandi*, iaitu sifat manusia yang berupaya untuk menjadi dominan dan menguasai pihak lain.

Dalam konteks faktor penubuhan JMF, fasal 1 dan 5 dalam Perjanjian Setia 1885 menetapkan kerjasama antara Kerajaan Johor dengan Kerajaan Negeri-Negeri Selat yang dipimpin oleh Gabenor British untuk mewujudkan keamanan, bersama melindungi wilayah Johor dan Negeri-Negeri Selat daripada serangan pihak luar, dan memahami betapa pentingnya pegawai British di Negeri-Negeri Selat mempunyai akses percuma ke perairan negeri Johor untuk tujuan pertahanan.

Fasal 5 jelas menyatakan tentang kewajipan Gabenor Negeri-Negeri Selat untuk melindungi kerajaan dan wilayah negeri Johor daripada sebarang ancaman pihak luar. Namun begitu, kebijaksanaan Sultan Johor menubuhkan pasukan tenteranya sendiri selari dengan pandangan realisme, setiap negara harus menjamin keselamatannya sendiri. Justeru, negara harus mampu melindungi dan menolong dirinya sendiri (*self-help*) tanpa bergantung dan mencari pertolongan daripada negara lain. Ini penting kerana tiada pihak yang berkuasa yang boleh diharapkan untuk menyediakan keselamatan dalam sistem antarabangsa yang anarkis. Oleh itu, Johor bertindak proaktif dengan menubuhkan angkatan bersenjata sendiri untuk melindungi kedaulatan negeri.

Bagi memastikan kerjasama yang berkesan dan saling menguntungkan antara Johor, negeri-negeri Selat dan Gabenor British, maka suatu mekanisme dan penyelesaian yang jelas untuk menangani sebarang isu atau perbalahan yang mungkin timbul apabila fasal-fasal ini dilaksanakan adalah perlu diwujudkan. Oleh itu, menurut realisme, perdamaian dan keselamatan harus ditentukan sendiri oleh negara sebagai aktor utama. Dalam konteks ini, penubuhan JMF sebagai pasukan tentera negeri Johor adalah bertujuan bagi mengelakkan sebarang perbalahan berlaku. Ia juga bertujuan untuk mempertahankan kedaulatan negeri Johor dari serangan luar dan campur tangan asing termasuklah daripada British sendiri. Realisme menekankan betapa pentingnya peranan aktor negara dalam memastikan keselamatan dan keamanan negara terjamin. Dalam hal ini, Sultan Johor selaku pengemudi wilayah Johor memainkan peranan penting dalam membuat Keputusan.

Berdasarkan kepada analisis dokumen yang dibuat, dapat disahkan bahawa tujuan utama perjanjian setia ini dilakukan adalah untuk mengeratkan hubungan antara dua kerajaan dengan mengambil kira kepentingan bersama iaitu Johor diiktiraf sebagai sebuah negara merdeka dan tidak dijajah dan kedudukan sultan terjamin. Bagi pihak British pula, segala kepentingan British di perairan Johor akan terpelihara dari serangan lanun. Oleh kerana itu, sebuah pasukan keselamatan perlu ditubuhkan untuk menjamin kedua-dua kepentingan ini. Seperti yang dinyatakan Burchil dan Papp, bahawa kepentingan nasional berkait rapat dengan isu strategik, ekonomi, ideologi, keupayaan tentera, keselamatan, moral dan keabsahan. Dalam konteks hubungan diplomatik antara Johor dan British, tidak dinafikan bahawa mereka memiliki kepentingan antara satu sama lain. Kepentingan British di perairan Johor berkait rapat dengan kepentingan strategik dan ekonomi, manakala Johor memiliki kepentingan untuk menjamin keselamatan, kedaulatan dan *survival* Johor itu sendiri. Hal ini selari seperti yang dinyatakan oleh Jemadu bahawa tujuan akhir kepentingan nasional ialah untuk mempertahankan keselamatan nasional dan meneruskan survival sesebuah negara.

Secara realistik, penubuhan JMF boleh dilihat sebagai tindakan strategik untuk melindungi raja dan negeri Johor daripada ancaman luar. Dalam pendekatan realisme, keselamatan nasional adalah penting, oleh itu Johor mestilah berupaya untuk melindungi diri daripada ancaman luar. Ini selaras dengan pepatah Latin, "*si vis pacem para bellum*," yang bermaksud, "jika anda mahu keamanan, bersiaplah untuk perang." Dalam kes ini, JMF bertindak sebagai kuasa pertahanan sekiranya berlaku ancaman dan serangan dari pihak musuh. Oleh yang demikian, kewujudan JMF sangatlah penting dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan Johor pada masa itu terjamin. Kewujudan JMF juga membuktikan bahawa wujudnya ancaman. Sejarah menunjukkan bahawa Johor pernah diancam oleh kuasa luar seperti Portugis, Belanda, dan British, serta negeri-negeri Melayu yang lain. Sebagai tindak balas kepada ancaman ini, JMF ditubuhkan untuk mengukuhkan pertahanan Johor dan memastikan ia kekal sebagai sebuah negeri berdaulat.

5. Kesimpulan

Sejak awal, Sultan Abu Bakar merencanakan satu perjanjian dengan British bagi mengekalkan kedaulatan dan kemerdekaan Johor serta mengiktiraf baginda serta warisnya sebagai Sultan Johor yang sah. Perjanjian Setia Johor-Great Britain 1885 mengakui Johor sebuah negeri merdeka (*Independent State of Johore*). Kandungan perjanjian turut menyatakan kerjasama diplomasi British selaku kuasa dominan dunia pada zaman itu menyatakan kesudian wakil baginda *Queen* di rantau ini iaitu Gabenor Negeri-Negeri Selat membantu Johor

andainya berlaku serangan dan gangguan luar. Kedudukan institusi beraja yang kukuh adalah lambang kepada kekuatan serta kedaulatan sesebuah negeri atau negara selain memiliki darjat yang dihormati untuk mengambil sesuatu keputusan yang penting bagi kepentingan negeri atau negaranya. Sultan Abu Bakar menggunakan ruang ini dengan menubuhkan pasukan tenteranya sendiri, JMF untuk mengukuhkan kedudukannya dan kedaulatan Johor. Secara tersirat, JMF dapat mengelakkan campur tangan pegawai British secara terus dalam urusan pertahanan di Johor dan membuktikan kepada kolonial bahawa anak Melayu tempatan memiliki semangat patriotisme yang berani mempertahankan kedaulatan raja dan negerinya sendiri. Tindakan ini sejajar dengan dasar pemodenan Johor yang dilaksanakan baginda yang mencerminkan prinsip "Jika anda mahu keamanan, bersiaplah untuk perang" untuk memelihara keamanan, sebuah negara atau entiti harus bersedia dan mampu mempertahankan diri terhadap kemungkinan. Ini adalah konsep yang sering dikaitkan dengan teori realisme dalam hubungan antarabangsa.

Walaupun peranan pasukan ini telah melalui perubahan mengikut peredaran zaman dan keperluan semasa negara. Penubuhan, perkembangan, pengecilan serta penambahbaikan kekuatan pasukan ini perlu sentiasa diperhalusi dari semasa ke semasa dengan mengambilkira fahaman federalisme asimetri di negara ini. Keberadaan pasukan ini perlu dipelihara sepenuhnya bagi memastikan nilai sejarahnya terus terpelihara dari semasa ke semasa sebagai simbolik yang memelihara adat istiadat diraja Johor (Muhaymin Hakim Abdullah et al., 2021). Malah pasukan ini boleh dipanggil bila-bila masa untuk membantu pertahanan persekutuan sekiranya negara menghadapi ancaman luar. Ini kerana sudah menjadi kewajipan setiap rakyat di negara ini dalam mempertahankan kedaulatan negara. Dengan ini, diharapkan hasil penulisan kajian ini dapat membantu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap nilai sejarah yang diwarisi. Kesimpulannya, walaupun kuasa pertahanan dan keselamatan di bawah persekutuan, namun keberadaan pasukan separa tentera seperti JMF ini dapat membantu meningkatkan profesionalisme pasukan pertahanan dan keselamatan negara yang bertujuan untuk melindungi kedaulatan raja di negara ini khususnya Johor. Malah boleh dianggap sebagai manifestasi prinsip-prinsip realisme dalam hubungan federalisme Malaysia. Ini termasuk keselamatan nasional, konsep *self-help*, persepsi ancaman, dan peranan yang dimainkan oleh aktor negara untuk menjamin kedaulatan raja.

Penghargaan

Pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dalam menyelesaikan kajian ini.

Konflik kepentingan

Penyelidik dengan ini mengesahkan bahawa tidak wujud konflik kepentingan dalam penerbitan artikel ini.

Sumbangan Penyelidik

Semua pengarang mengesahkan sumbangan kepada kertas kerja. semua pengarang menyemak keputusan dan meluluskan versi akhir manuskrip.

Rujukan

A Rahman Tang Abdullah. (2013). Hikayat Johor dan Kepentingannya sebagai Sumber Sejarah Johor Moden : 1833-1895. *Jurnal Perspektif*, 5(2), 29–43.

A Rahman Tang Abdullah, & Wan Shawaludin Wan Hassan. (2015). Elemen Sejarah dalam Pembentukan Negara : Kemunculan Negara Bangsa di Eropah dan Proses Kolonialisasi dan Dekolonialisasi dalam Konteks Malaysia (Historical Elements in Nation Formation: The Emergence of Nation-States in Europe and the Processes of Coloni. *Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 7(1), 57–71.

Abdul Rahim Ramli. (2018). *JDT: Johor Darul Ta'zim an Abode of Dignity*. Penerbit UTM Press.

Abdullah Zakaria Ghazali. (2019). Cabaran Institusi Beraja di Malaysia dari Dahulu Hingga Kini (Challenges of the Monarchical Institution in Malaysia from Past to Present). *Bicara@Muzium, Web Rasmi Jabatan Muzium Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara*, 1–38.
<http://www.jmm.gov.my/ms/content/cabaran-institusi-beraja-di-malaysia-dari-dahulu-hingga-kini>

Asrudin & Mirza Jaka Suryana. "Analisis Konstruktivisme Tentang Persepsi Ancaman [A Constructivist Analysis of Threat Perception]," *Global & Strategis*, 7, no. 1, (2013): 105-121.

Asshiddiqie, J. (2021). *Konstitusi & Konstitusionalisme Indonesia.pdf* (Kedua). Sinar Grafika.
https://play.google.com/books/reader?id=QXtWEAAAQBAJ&pg=GBS.PP1&hl=en_GB

- Berkowitz, Morton & P.G. Bock. "National Security," in *Encyclopedia of Social Sciences*, David L. Sills, Ed. New York: Mac-Millan – Free Press, (1965): 40-45.
- Burchill, S. "Realism and Neo-Realism," in *Theories of International Relations*, Burchill, S & Andrew Linklater, Eds. New York: Mac-Millan Press, (1996): 67-92.
- Buzan, Barry. *People States and Fear: Pan Agenda for International Security Studies in the Post Cold War Era*. New York: Harvester Wheatsheaf, (1991).
- Buyong Adil. (2020). *Sejarah Johor (History of Johor)* (Edisi Sema). Perpustakaan Negara Malaysia. 9789834922405
- Cohen, Raymond. "Threat Perception in International Crisis," *Political Science Quarterly*, 93, no. 1, (1978): 93-107.
- Dunne, Tim and Brian C. Schmidt. "Realism," in *The Globalization of World Politics: An Introduction to International Relations*, John Baylis and Steve Smith, Eds. Oxford: Oxford University Press, (2005): 161-183.
- Ermy Azziaty Rozali, Mohd Hafiz Othman, & Napisah Karimah Ismail. (2020). Pengaruh Kerajaan Uthmaniyyah dalam Pentadbiran Islam di Negeri Johor pada Abad ke-19 oleh Sultan Abu Bakar (1862-1895) dan Sultan Ibrahim (1895-1959). (The Influence of the Ottoman Empire in Islamic Administration in the State of Johor in the 19th Centur. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3), 65–82. <http://www.bitarajournal.com>
- Jackson, J. H. (2018). Sovereignty-modern: A new approach to an outdated concept. *Relocating Sovereignty*, 802, 425–446. <https://doi.org/10.2307/3133680>
- Jackson, Robert & Georg Sørensen. *Introduction to International Relations: Theories and Approaches*. New York: Oxford University Press Inc, (2007).
- Jemadu, Aleksius. *Politik Global dalam Teori dan Praktik [Global Politics in Theory and Practice]*. Yogyakarta: Graha Ilmu, (2008).
- M.A. Fawzi Mohd Basri. (1988). *Johor, 1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya (Johor, 1855-1917: Administration and Development)*. Fajar Bakti.
- Miller, Lynn H. *Global Order: Values and Power in International Politics*. New York: West View Press, Inc, (1990).
- Mohd Samsudin. (2013). Tawarikh Yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Johor: Sebuah Karya Sejarah Negeri Johor dalam Zaman Pentadbiran British (The Chronicles of His Highness Ibrahim Sultan of Johor: A Historical Work of the State of Johor During the British Administration). *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 40(December 2013), 75–92.
- Morgenthau, H. J. *Scientific Man versus Power Politics*. Chicago: Phoenix Books, (1965).
- Morgenthau, H. J. *Politics among Nations: The Struggle for Power and Peace*. New York: McGraw-Hill, (2006).
- Mroz, J. E. *Beyond Security: Private Perceptions among Arabs and Israelis*. New York: International Peace Academy, (1980).
- Muhammad Izuan Abdul Rahman, & Mahani Musa. (2020). Penguatan Kedaulatan Dinasti Temenggong Dalam Kesultanan Melayu Johor 1855-1895 (Strengthening the Sovereignty of the Temenggong Dynasty in the Johor Malay Sultanate 1855-1895). *Sejarah : Journal of History Department, University of Malaya*, 29(1), 1–17. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol29no1.1>

- Muhammad Mutawalli. (2023). *Dinamika Partai Politik Indonesia* (Wahyu Kurniawadi (ed.)). Wawasan Ilmu. chrome-extension://efaidnbmninnibpcapjpcglclefindmkaj/https://repository.stainmajene.ac.id/server/api/core/bitstreams/a26f6ddb-0e5d-4e5f-a600-f563e8bbfaec/content
- Muhaymin Hakim Abdullah, Khairul Azman Mohd Suhaimy, Md Akbal Abdullah, & Zahrul Akmal Dalimin. (2021). Johor Military Force (JMF): The Only Royal Security Force in Malaysia. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education (TURCOMAT)*, 12(2), 704–710. <https://doi.org/10.17762/turcomat.v12i2.925>
- Papp, Daniel S. *Contemporary International Relation: A Framework for Understanding*. New York: MacMillan Publishing Company, (1988).
- Rohayu Majid, Zainal Kling, & Ismarani Ismail. (2021). Personaliti Raja Yang Menjamin Kelangsungan Institusi Beraja di Malaysia. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(1), 1675-4271 (1-9). <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/4367>
- Rosenberg, J. (1990). A non-realist theory of sovereignty?: Giddens' the nation-state and violence. *Millennium - Journal of International Studies*, 19(2), 249–259. <https://doi.org/10.1177/03058298900190020801>
- Shaharom Husain. (1995). *Sejarah Johor: Kaitannya dengan Negeri Melayu (History of Johor: Its Relation with the Malay States)*. Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Sinaga, Obsatar. "Kepemilikan Nuklir dan Keamanan Nasional Iran: Suatu Studi Kasus [Nuclear Possession and Iran's National Security: A Case Study]," *Sosiohumaniora*, 11, no.1, (2009): 17-34.
- Sinclair, K. (1967). The British Advance in Johore , 1885-1914. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 40(1 (211)), 93–110. <http://www.jstor.org/stable/41491908>
- Steans, Jill and Lloyd Pettiford. Hubungan Internasional: Perspektif dan Tema [International Relations: Perspective and Themes]. Deasy Silvy Sari, trans. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, (2009).
- Tunku Shahrman Tunku Sulaiman. (2014). The Johore Military Forces: The Oldest Army of Malay Regulars in the Peninsula. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 77(2), 95–105.
- Wolfers, Arnold. "National Security" as an Ambiguous Symbol," *Political Science Quarterly*, 67, no. 4, (1952): 481-502.
- Wolfers, Arnold. "'National Security' as an Ambiguous Symbol," In *International Politics: Anarchy, Political Force, Political Economy and Decision Making*, Robert J. Art and Robert Jervis, Eds. United States of America: Little, Brown and Company, (1985): 42-54.
- Abdullah, A Rahman T. *Hikayat Johor Dan Tawarikh Almarhum Yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Johor: Persejaraan Dan Transliterasi [The Chronicles of Johor and History of His Highness Ibrahim Sultan of Johor: Historiography and Transliterations]*. Dzul Karnain Asmawi, ed. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, (2014).
- Abdullah, A Rahman T. and Mulia, P. Amin. "Isu Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) Dan Hak Autonomi Sabah Dan Sarawak Dalam Konteks Sejarah Dan PRU-14 [Issues of the Malaysia Agreement 1963 (MA63) and the Autonomy Rights of Sabah and Sarawak in the Historical Context and GE-14]," *Jurnal Kinabalu*, Edisi Khas, (2018): 291–317.
- Abdullah, A Rahman T. and W. Hassan, W. Shawaludin. "Elemen Sejarah Dalam Pembentukan Negara : Kemunculan Negara Bangsa Di Eropah Dan Proses Kolonialisasi Dan Dekolonialisasi Dalam Konteks Malaysia [Historical Elements in Nation Formation: The Emergence of Nation-States in Europe and the Processes of Coloni]," *Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 7, no. 1, (2015): 57–71.
- Abdullah, Muhaymin H., M. Suhaimy, K.A., Abdullah, M. Akbal, and Damin Z.A. "Johor Military Force (JMF): The Only Royal Security Force in Malaysia," *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education (TURCOMAT)*, 12, no. 2, (2021): 704–10.

- Adil, Buyong. *Sejarah Johor (History of Johor)*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, (2020).
- Ali bin Musa. "History of Johor - Johor Military Forces Era World War II," interview by Muhaymin Hakim bin Abdullah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, UTHM, September 8, (2021).
- Asrudin & Mirza Jaka Suryana. "Analisis Konstruktivisme Tentang Persepsi Ancaman [A Constructivist Analysis of Threat Perception]," *Global & Strategis*, 7, no. 1, (2013): 105-121.
- A. Rahman, M. Izuan, and Musa, Mahani. "Penguatan Kedaulatan Dinasti Temenggong Dalam Kesultanan Melayu Johor 1855-1895 [Strengthening the Sovereignty of the Temenggong Dynasty in the Johor Malay Sultanate 1855-1895]," *Sejarah : Journal of History*, 29, no. 1, (2020): 1-17.
- Basri, A. F. (1988). Johor, 1855-1917: pentadbiran dan perkembangannya.
- Berkowitz, Morton & P.G. Bock. "National Security," in *Encyclopedia of Social Sciences*, David L. Sills, Ed. New York: Mac-Millan – Free Press, (1965): 40-45.
- Burchill, S. "Realism and Neo-Realism," in *Theories of International Relations*, Burchill, S & Andrew Linklater, Eds. New York: Mac-Millan Press, (1996): 67-92.
- Buzan, Barry. *People States and Fear: Pan Agenda for International Security Studies in the Post Cold War Era*. New York: Harvester Wheatsheaf, (1991).
- Cohen, Raymond. "Threat Perception in International Crisis," *Political Science Quarterly*, 93, no. 1, (1978): 93-107.
- Drahman, M. N., Harliana Halim, Riki Rahman, S. W. Hamdon, and Z. Mat. "Effects of General Election-14 on the Social Well-Being of the People of Malay Race in Malaysia," *ISVS e-journal*, 10, no. 8, (2023): 380.
- Dunne, Tim and Brian C. Schmidt. "Realism," in *The Globalization of World Politics: An Introduction to International Relations*, John Baylis and Steve Smith, Eds. Oxford: Oxford University Press, (2005): 161-183.
- Ghazali, A. Zakaria. "Cabaran Institusi Beraja Di Malaysia Dari Dahulu Hingga Kini (Challenges of the Monarchical Institution in Malaysia from Past to Present)," *Jabatan Muzium Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara*, Jun 26, (2019). <http://www.jmm.gov.my/ms/content/cabaran-institusi-beraja-di-malaysia-dari-dahulu-hingga-kini>.
- Hack, Karl A. "Biar Mati Anak, Jangan Mati Adat: Locally Raised Forces as a Barometer for Imperialism and Decolonization in British South East Asia, 1874-2001," *South East Asia Research*, 10, no. 3, (2001): 245-75.
- Hamsan, Captain (R) Jalalludin. "My Experience with Johor Military Forces," interview by Muhaymin Hakim bin Abdullah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, UTHM, November 19, (2021).
- Harun, Ruhana. "The Evolution and Development of Malaysia's National Security," in *Malaysia's Defence and Security Since 1957*, Abdul Razak Baginda, Ed. Kuala Lumpur: Malaysian Strategic Research Centre, (2009): 31-56.
- Husain, Shaharom. *Sejarah Johor: Kaitannya Dengan Negeri Melayu [History of Johor: Its Relation with the Malay States]*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd, (1995).
- Jabatan Penerangan Negeri Johor. *Kenangan 100 Tahun 1886-1986 Askar Timbalan Setia Negeri Johor [100 Years Memories 1886-1986 Johor Military Forces]*. Johor Bahru: Jabatan Penerangan Negeri Johor, (1986).
- Jackson, Robert & Georg Sørensen. *Introduction to International Relations: Theories and Approaches*. New York: Oxford University Press Inc, (2007).
- Jemadu, Aleksius. *Politik Global dalam Teori dan Praktik [Global Politics in Theory and Practice]*. Yogyakarta: Graha Ilmu, (2008).

- Kamil, Kamdi. Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan Johor [The Coronation of His Highness Sultan Ibrahim Ibni the Late Sultan Iskandar Sultan Johor]. Dzul Karnain Asmawi, Ed. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, (2016).
- Kumar, S Anand. "Sultan Johor Berangkat Ke Istiadat Askar TSN Johor [Sultan of Johor Attends the TSN Johor Military Ceremony]," *BH Online*, May 11, (2016).
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/05/152455/sultan-johor-berangkat-ke-istiadat-askar-tsn-johor>.
- Miller, Lynn H. *Global Order: Values and Power in International Politics*. New York: West View Press, Inc, (1990).
- Md Nor, S. Zalikhah. "Perangkap Perjanjian Pangkor," *Kanun*, no. 2, (2010): 267–85.
- Morgenthau, H. J. *Scientific Man versus Power Politics*. Chicago: Phoenix Books, (1965).
- Morgenthau, H. J. *Politics among Nations: The Struggle for Power and Peace*. New York: McGraw-Hill, (2006).
- Mroz, J. E. *Beyond Security: Private Perceptions among Arabs and Israelis*. New York: International Peace Academy, (1980).
- Mustajab, M. Sarim. "Malay Elite Participation In the Johor Civil Service: Its Origins and Development Until the 1930's," *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 21, (1993): 67–82.
- Mutawalli, Muhammad. *Negara Hukum Kedaulatan & Demokrasi: Konsepsi Teori dan Perkembangannya [State Law, Sovereignty & Democracy: Theory and Development]*. Surabaya, Jawa Timur, Indonesia: Pustaka Aksara, (2023).
- M. Basri, M. A. Fawzi. *Johor, 1855-1917: Pentadbiran Dan Perkembangannya [Johor, 1855-1917: Administration and Its Development]*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, (1988).
- M. Rus, A. Kamal Ariffin. "Malayan Union Dan Persekutuan 1948," in *Seminar Guru Sejarah: Pemantapan Dan Pengisian Ilmu Sejarah Topik Terpilih Dalam Sukatan Tingkatan 5*, 10-11 August, Dewan Kuliah C, Fakulti Sastera & Sains Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, (2017).
- Papp, Daniel S. *Contemporary International Relation: A Framework for Understanding*. New York: MacMillan Publishing Company, (1988).
- Rahman, R., Zarina Othman, Fauziah Ani, Muhyamin Hakim Abdullah. "Nuclear issues in the Iran - United States relations: From friends to foes," *Tamkang Journal of International Affairs*, 23, no. 3, (2020): 1–54.
- Ramli, A. Rahim. *JDT: Johor Darul Ta'zim an Abode of Dignity*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press, (2018).
- Rozali, E. Azziaty, Mohd Hafiz Othman, and Napisah Karimah Ismail. "Pengaruh Kerajaan Uthmaniyyah Dalam Pentadbiran Islam Di Negeri Johor Pada Abad Ke-19 Oleh Sultan Abu Bakar (1862-1895) Dan Sultan Ibrahim (1895-1959) [The Influence of the Ottoman Empire in Islamic Administration in the State of Johor in the 19th Century]," *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3, no. 3, (2020): 65–82.
- Saidon, M. Kasri. "Penelitian Potensi Kajian Lanjut Sejarah Tentang Gerakan Awal Tentera Jepun ke Kedah (Tanah Melayu) Dan Sumatera, Indonesia Dari Novel Aku Tidak Minta Karya Abdullah Hussain [Research on the Potential of Further Historical Studies on the Early Movement of the Japanese Army to Kedah (Malaysia) and Sumatra, Indonesia From the Novel I Don't Ask by Abdullah Hussain]," *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2, no. 6, (2019): 88–96.
- Samsudin, Mohd. "Tawarikh Yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Johor: Sebuah Karya Sejarah Negeri Johor Dalam Zaman Pentadbiran British [The Chronicles of His Highness Ibrahim Sultan of Johor: A Historical Work of the State of Johor During the British Administration]," *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 40, no. December, (2013): 75–92.

- Sinaga, Obsatar. "Kepemilikan Nuklir dan Keamanan Nasional Iran: Suatu Studi Kasus [Nuclear Possession and Iran's National Security: A Case Study]," *Sosiohumaniora*, 11, no.1, (2009): 17-34.
- Sinclair, Keith. "The British Advance in Johore, 1885-1914," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 40, no. 1, (1967): 93-110.
- Snow, Karen A. "Russia and the 1915 Indian Mutiny in Singapore," *South East Asia Research*, 5, no. 3, (1997): 295-315.
- Steans, Jill and Lloyd Pettiford. Hubungan Internasional: Perspektif dan Tema [International Relations: Perspective and Themes]. Deasy Silvy Sari, trans. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, (2009).
- S. Hasan, A. Fadhli. Almarhum Sultan Ismail Johor 1894-1981 [The Late Sultan Ismail Johor 1894-1981], Lim Swee Tin, Ed. Pertama. Johor Bahru: Penerbit UTM Press, (2018).
- Thio, Eunice. *British Policy In The Malay Peninsula 1880-1909*. The University of London: ProQuest, (1956).
- T. Sulaiman, T. Shahrman. "The Johore Military Forces: The Oldest Army of Malay Regulars in the Peninsula," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 77, no. 2, (2014): 95-105.
- Wolfers, Arnold. "National Security" as an Ambiguous Symbol," *Political Science Quarterly*, 67, no. 4, (1952): 481-502.
- Wolfers, Arnold. "'National Security' as an Ambiguous Symbol," In *International Politics: Anarchy, Political Force, Political Economy and Decision Making*, Robert J. Art and Robert Jervis, Eds. United States of America: Little, Brown and Company, (1985): 42-54.
- Yasin, Mohd Azami. Sejarah Penubuhan Dan Perkembangan Johore Military Forces Dari Tahun 1885-1941 [History of the Establishment and Development of the Johore Military Forces from 1885-1941]. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, (2011).
- Ramli, Abdul Rahim. "Johore History - Johor Military Forces," interview by Muhaymin Hakim bin Abdullah and Lutfan bin Jaes, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, UTHM, September 9, (2021).
- Ziegler, David W. *War, Peace and International Politics*. Canada: Little, Brown and Company, (1984).